| TARIKH | AGENSI | SUBJEK | MEDIA | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|---|---|
| 8/6/2016 | IKN | Kanser | Utusan Borneo (Sarawak) | Raja Permaisuri Agong berangkat lawat Institut Kanser Negara | 7 |

**Utusan Borneo (Sarawak)**
8 Jun 2016



**LAWATAN:** Tuanku Haminah (empat kiri) berkenan beramah mesra bersama adik Insyirah Mat Amin, lima tahun, yang menghidap kanser saraf mata semasa mengadakan lawatan ke Institut Kanser Negara (IKN), di Putrajaya, semalam. Hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor (dua kanan). — Bernama

# Raja Permaisuri Agong berangkat lawat Institut Kanser Negara

**PUTRAJAYA:** Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah semalam berangkat melawat Institut Kanser Negara (IKN) di sini sempena sambutan ulang tahun keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor, isteri Timbalan Perdana Menteri Datin Seri Hamidah Khamis dan Yang Dipertua Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Puan Sri Rohani Abdullah.

Hadir sama Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr S.Subramaniam dan isteri Datin Seri Dr S.Umarani.

Pada lawatan berkenaan, Tuanku Hajah Haminah menyampaikan sumbangan RM30,000 kepada IKN selain melawat wad pediatrik.

Baginda turut mendengar taklimat yang disampaikan Pengarah IKN Dr Asmayani Khalib mengenai perkembangan IKN selain dipertonton video berkaitan perkhidmatan dan kemudahan di institut tersebut serta menandatangani buku pelawat.

Dr Subramaniam dalam ucapan aluannya berkata Kementerian Kesihatan kini dalam peringkat akhir mengemas kini Pelan Tindakan Strategik Kebangsaan bagi Program Kawalan Kanser 2016-2020.

"Dokumen ini akan menggantikan pelan tindakan sebelum ini iaitu National Cancer Control Blueprint 2008-2015," katanya.

Tambah beliau, pelan tindakan yang sedang dikemas kini juga merangkumi semua aspek yang melibatkan kawalan kanser iaitu pencegahan, saringan, pengesanan awal, diagnosis, rawatan, rehabilitasi, rawatan paliatif serta perubatan tradisional dan komplementari.

Dr Asmayani dalam ucapan sembah taklimatnya berkata sejak memulakan operasi pada September 2013, kedatangan pesakit ke IKN mencatatkan peningkatan.

"Pada 2013, IKN menerima 869 pesakit manakala pada 2014 pesakit di IKN bertambah sebanyak 18,127 orang dan pada 2015 jumlah pesakit bertambah dua kali ganda iaitu sebanyak 36,230 orang.

"Bagi 2016 sehingga Mei, jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan di IKN telah mencapai 18,698," katanya. — Bernama

| TARIKH | AGENSI | SUBJEK | MEDIA | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|---|---|
| 8/6/2016 | IKN | Kanser | The Star | Queen donates RM30,000 to National Cancer Institute | 8 |

# Queen donates RM30,000 to National Cancer Institute

**PUTRAJAYA:** The Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah visited the National Cancer Institute (IKN) here in conjunction with the official birthday of the Yang di-Pertuan Agong.

During the visit, Tuanku Hajah Haminah donated RM30,000 to IKN and spent some time at the paediatric ward.

She also listened to a briefing by IKN director Dr Asmayani Khalib on the centre and watched a video on services and facilities, before signing IKN's visitor book.

Also present were the Prime Minister's wife Datin Seri Rosmah Mansor, the Deputy Prime Minister's wife Datin Seri Hamidah Khamis and president of Welfare Association of Wives and Women Civil Servants, Puan Sri Rohani Abdullah.

Health Minister Datuk Seri Dr S. Subramaniam and his wife Datin Seri Dr S. Umarani were also present.

Dr Subramaniam, in his welcoming speech, said the Health Ministry was in the final stage of updating the National Strategic Plan for Cancer Control Programme 2016-2020.

"This document will replace the National Cancer Control Blueprint 2008-2015," he added.

The action plan being updated includes all aspects of cancer control namely prevention, screening, early detection, diagnosis, treatment, rehabilitation, palliative treatment, traditional and complementary medicine.

Asmayani, in a speech during her briefing, said that the number of patients in IKN has been increasing since it opened in September 2013.

"In 2013, the IKN received 869 patients, with the number rising to 18,127 in 2014, and 36,230 in 2015.

"From January to May 2016, the number of patients who sought treatment at the IKN had reached 18,698," she added. — Bernama



**Words of comfort:** Tuanku Hajah Haminah talking to patient Insyirah Mat Amin, 5, during her visit to IKN. Also at the paediatric ward was Rosmah (second from right). — Bernama